

Profil

**Datuk
Dr Prof
Rashila
Ramli**

→ **Jawatan:** Pengarah Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), UKM

→ **Asal:** Pulau Pinang

→ **Pendidikan:** Convent Jalan Birch Seremban, Negeri Sembilan

→ **Memperoleh** Ijazah Sarjana Muda (B.Sc. (Chemistry)) dan Western Illinois University

→ **Pengajian** peringkat Sarjana

(Pengurusan Perniagaan) di Northern Arizona University dan melengkapkan pengajian Ijazah Doktor Falsafah (Sains Politik) di Universiti sama pada 1995

→ **Memulakan** kerjaya sebagai tutor di Jabatan Sains Politik di Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, UKM

→ **Pada 2008**, beliau dilantik sebagai Pengarah Institut Kajian Oksidental dan pada 15 Ogos 2013 serta dilantik sebagai

Pengarah di Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa di Universiti Kebangsaan Malaysia sehingga kini

Pengiktirafan:

→ **Presiden** Persatuan Sains Sosial Malaysia sejak 2014 hingga 2018

→ **Memegang** beberapa jawatan profesional lain seperti Penolong Setiausaha di Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita

→ **Ahli seumur hidup** bagi Southeast Asian Association for Gender Studies (Malaysia Branch) dan International Studies Association

→ **Pernah** dilantik sebagai Pensyarah pelawat di Stockholm University Biayaan Swedish International Development Agency dan International Christian University, Tokyo Jepun

Visi Rashila jadikan IKMAS rujukan dunia

→ Kajian dilakukan beri impak kepada pembuat dasar

TOKOH WANITA

Oleh **Nor Afzan
Mohamad Yusof**
afzan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Membangunkan idea pembinaan Institut Integriti Malaysia, antara pencapaian terbesar diperoleh Pengarah Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Datuk Dr Prof Rashila Ramli, 54, sejak terbabit dalam banyak kajian berkaitan integriti dan politik.

Idea yang bermula daripada satu kajian berhubung keadaan rasuah dalam negara, pada 2002 kemudiannya berkembang dalam bentuk modul untuk dimanfaatkan dalam diri setiap masyarakat.

"Matlamatnya, tidak lain daripada membangunkan integriti dan menangani rasuah daripada menjadi barah dalam masyarakat.

"Alhamdulillah, apabila sudah dibangunkan ia dipraktikkan banyak pihak di negara ini dalam menangani isu berkenaan," katanya kepada BH.

Sumbangan dan pembabitan lama dalam bidang berkenaan ternyata dihargai, apabila pada 19 Januari lalu, beliau dikurniakan Darjah Dato' Paduka Negeri Sembilan (DPNS) membawa gelaran Datuk.

IKMAS diterajui Rashila antara institut penyelidikan di UKM. Ia berbeza daripada fakulti biasa. Selain memberi tumpuan kepada pengajaran peringkat pasca siswazah, ia turut berperanan membangunkan kajian berhubung pelbagai isu membabitkan negara

serta negara ASEAN.

"Kajian dilakukan seharusnya memberi kesan kepada komuniti dan memberi impak kepada pembuat dasar. Sepanjang bersama IKMAS, antara pencapaian membanggakan ialah Malaysia menjadi tuan rumah bagi persidangan khusus dihadiri Ahli Parlimen ASEAN pada 2015. Sebagai badan rujukan, diiktiraf dan diyakini kajiannya, tentu saya berasa bangga dengan pencapaian ini," katanya.

Majukan komuniti, negara

Bekerja keras sejak menyertai dunia kerjaya, beliau juga tidak pernah lelah memikirkan kajian yang boleh dilakukan untuk membangunkan komuniti dan negara.

Mengenai kepentingan kajian, Rashila berkata, ia mustahak lantaran perubahan atau konflik yang melanda negara jiran, tidak dapat tidak, pasti negara menerima tempas.

"Kerja kami memang sukar diterjemahkan dalam bentuk nyata tetapi kami mustahak dalam memastikan hala tuju negara tercapai. Dalam kata mudah, segala perkara berhubung 10 negara jiran, kita mesti ambil tahu," katanya.

Wanita berasal dari Pulau Pinang ini memulakan kerjaya sebagai tutor di Jabatan Sains Politik di Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, UKM. Pada 2008, beliau dilantik sebagai Pengarah Institut Kajian Oksidental dan pada 15 Ogos 2013 menjawat jawatan Pengarah di IKMAS sehingga kini.

Sebagai pengarah IKMAS, beliau menjadikan ia sebagai institut sains sosial yang terkehadapan kepada kajian globalisasi dan transformasi sosial, selain berjaya menjalinkan hubungan strategik dengan institusi terkemuka di dalam dan luar negara.

Antaranya Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI), Yayasan DiRaja Sultan Mi-

zan, Bank Negara Malaysia, Institute of Strategic & International Studies (ISIS Malaysia) dan sebagainya.

Institusi luar negara pula seperti World Trade Institute (WIT), University of Bern Switzerland, St Antony's College, University of Oxford, World Trade Organisation, Kedutaan di Malaysia, The Latin American and Caribbean Group (GRULAC) serta universiti terkemuka di Mexico, Costa Rica, Venezuela, Sweden, Jerman, Perancis, Switzerland dan lain-lain.

Beliau banyak terbabit dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sejak 2008 seperti Presiden Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) sejak 2014 hingga 2018. Beliau juga terbabit sebagai Penolong Setiausaha di Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO).

"Bersama persatuan, lebih banyak idea boleh disumbang dan saya menyifatkan NGO sebagai jaringan untuk memperoleh kenalan dalam bidang kerja," katanya yang juga ahli seumur hidup bagi Southeast Asian Association for Gender Studies (Malaysia Branch) dan International Studies Association.

Diasuh berdikari

Anak sulung daripada tiga adik beradik, sejak kecil diasuh oleh kedua-dua ibu bapanya untuk berdikari dan melakukan sesuatu digemari.


"Ibu bapa saya guru dan mereka sangat berfikiran terbuka. Barangkali atas alasan itulah juga saya berkebolehan untuk belajar banyak.

"Daripada mendalami ilmu kimia hingga kepada dunia penguurusan, saya kira ramai ibu bapa yang 'berasa' gerun apabila anak mereka bertukar-tukar jurusan," katanya.

Mengulas mengenai cabaran, wanita bertubuh kecil ini berkata, bersama IKMAS, beliau perlu ada



(FOTO AZIAH AZMEE/BH)



Kerja kami memang sukar diterjemahkan dalam bentuk nyata tetapi kami mustahak dalam memastikan hala tuju negara tercapai. Dalam kata mudah, segala perkara berhubung 10 negara jiran, kita mesti ambil tahu"

Rashila Ramli,
Pengarah IKMAS UKM

strategi jangka panjang dan memiliki jaringan kerja baik bukan sahaja dari negara jiran, tetapi merentasi benua.

Dengan visi menjadikan IKMAS sebagai sumber rujukan diyakini oleh Bank Dunia serta institusi pendidikan seperti Oxford, Rashila berkata peka kepada perkembangan semasa antara elemen diperlukan.

"Kajian yang kami lakukan sama ada menerusi idea kami atau diminta oleh kerajaan untuk melakukannya.

"Kami banyak bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Luar dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat," katanya.